

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk membaiki kerosakan dan pemendapan pada ban pertanian dan struktur pintu air di kawasan Parlimen Tanjong Manis, termasuk di Paloh Kedang dan Utara Pulau Bruit. Kerosakan ban pertanian ini telah mengakibatkan kemusnahan tanaman dan kerugian kepada penduduk kampung.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, MAFI telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih struktur-struktur pengairan dan saliran yang melibatkan peruntukan mengurus Kerajaan Negeri dan Persekutuan pada setiap tahun di kawasan Skim Pulau Bruit dan kawasan Paloh Kedang yang terletak di bawah Skim Paloh Bangau. Sepanjang tempoh 2018 hingga 2021, sebanyak RM1,184,787.40 telah dibelanjakan di kawasan Paloh Bangau manakala sebanyak RM2,903,595.00 telah dibelanjakan di kawasan Pulau Bruit.

Pihak MAFI berpendapat satu peruntukan khusus perlu disediakan bagi menaiktaraf infrastruktur sediaada. Sehubungan itu, pihak MAFI mencadangkan permohonan peruntukan kepada EPU bagi tujuan

NO. SOALAN : 9

Membina dan Menaiktaraf Infrastruktur Pengairan dan Saliran di Skim Pertanian Pulau Buit di dalam RP3 RMKe-12 dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM15,000,000.00.

Bagi memastikan kebajikan rakyat terpelihara MAFI akan sentiasa menyalurkan peruntukan mengikut keperluan semasa di kawasan yang terlibat.

Sekian, terima kasih.